

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pembentukan moral kanak-kanak berhubung rapat dengan pendidikan yang diterima oleh mereka dari sejak kecil lagi dalam berbagai bentuk sama ada melalui pengalamannya sendiri mahupun peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekelilingnya. Bentuk pendidikan ini pula bukan sahaja boleh bersifat akademik tetapi unsur-unsur pendidikan yang berbentuk hiburan juga mampu mempengaruhi moraliti semasa proses perkembangan rohani dan jasmani mereka. Namun begitu dalam proses untuk membentuk moraliti melalui aspek pendidikan, modul yang bersesuaian adalah penting untuk memudahkan kanak-kanak menerima proses pendidikan tersebut. Ini kerana perkembangan mental kanak-kanak bergantung kepada tahap usia mereka.

Perbincangan mengenai kanak-kanak akan membawa kita kepada persoalan pendidikan yang bersesuaian dengan tahap umur dan perkembangan mereka. Dalam hal ini, pendidikan dimaksudkan sebagai perbuatan mendidik, membela atau mengasuh kanak-kanak, dan proses pendidikan pula merujuk kepada perubahan yang tidak henti-henti pada tingkah laku seseorang melalui pengalaman. Pengalaman inilah yang secara tidak langsung akan membentuk peribadi dan sahsiah kanak-kanak. Persoalan pendidikan yang membentuk sahsiah kanak-kanak inilah yang menjadi topik untuk dibincangkan dalam kajian ini.

Kanak-kanak merupakan sebahagian daripada kelompok masyarakat yang tergolong dalam lingkungan umur satu tahun sehingga 12 tahun. Namun terdapat tanggapan yang berbeza untuk mengkategorikan golongan tersebut berdasarkan faktor umur. Berdasarkan Kamus Dewan, kanak-kanak ialah budak lelaki atau perempuan yang masih kecil, (biasanya yang belum berumur lebih daripada tujuh atau lapan tahun).

Jika diteliti kepada definisi tersebut, kanak-kanak wajar dikategorikan daripada usia mereka satu tahun hingga 12 tahun. Kanak-kanak yang berumur di antara 13 hingga 15 tahun disebut praremaja, manakala golongan yang baru lahir berumur kurang daripada satu tahun lebih sesuai dipanggil golongan bayi. (Salleh Daud, 1984 : 73).

Berdasarkan teori perkembangan kognitif oleh Jean Piaget (1950), beliau mengkategorikan golongan kanak-kanak berdasarkan dua peringkat umur iaitu pertama, peringkat awal kanak-kanak, sebagai yang berumur antara dua tahun hingga enam tahun, dan kedua, peringkat kanak-kanak sebagai yang berumur antara enam hingga dua belas tahun. Dalam dua peringkat umur tersebut, perkembangan kanak-kanak baik dari segi fizikal maupun mental adalah berbeza. Di bawah dua tahun seseorang itu bergelar bayi. Secara umumnya, dalam peringkat awal kanak-kanak ini perkembangan deria motor yang dilalui oleh golongan bayi telah bertukar kepada kegiatan-kegiatan yang berkait dengan pengolahan secara mental. Pada peringkat ini kebolehan menggunakan lambang dan bahasa menguasai pemikiran kanak-kanak. Kanak-kanak cuba mendefinisikan makna-makna baru terhadap rangsangan yang diterimanya. Kadang-kadang kanak-kanak bercakap dengan diri sendiri bagi memahami sesuatu yang baru baginya. Kebolehan berfikir sesuatu pengolahan secara logik adalah terhad kepada pemikiran dalam satu arah

saja. Kanak-kanak tidak dapat membina konsep yang memerlukan pembalikan kerana ia tidak boleh memikirkan sesuatu pandangan secara keseluruhan. Kanak-kanak pada peringkat ini sangat egosentrik dan ingin melakukan kegiatan-kegiatan mengikut kehendaknya atau berdasarkan kepada satu sudut sahaja. Dia juga percaya yang orang lain mempunyai pandangan yang sama seperti dirinya.

Pada peringkat yang kedua, kanak-kanak cuba membuat penyesuaian mental kepada maklumat-maklumat baru. Mereka mempunyai pemikiran yang lebih luas dan lebih logik berdasarkan pengekalan bahan atau peraturan-peraturan tertentu. Dalam menyelesaikan masalah, kanak-kanak dapat berfikir dengan tersusun, iaitu secara pembalikan. Kanak-kanak tidak begitu bersifat egosentrik. Mereka boleh berinteraksi dan berkongsi idea dengan orang lain dalam sesuatu perkara. Mereka juga mempunyai semangat ingin tahu dan keinginan untuk mencapai kejayaan yang lebih baik. Perkembangan mental kanak-kanak berjalan dengan baik dengan penguasaan pengetahuan, pengingatan dan pemikiran yang bertambah. Pada peringkat ini, terdapat konsep sebab-musabab, masa, ruang dan kelajuan. Pemikiran yang bersifat pemuasan semakin berkurangan dan kanak-kanak sudah boleh mengambil kira sesuatu perkara dari berbagai-bagai segi yang munasabah.

Menurut Mohamad Amin Ismail dalam bukunya **Pendidikan dan Psikologi Kanak-Kanak**, zaman kanak-kanak bermula dari sejak lahir sehingga berumur 12 tahun. (Mohammad Amin Ismail 1977 : 125). Pengkategorian beliau berdasarkan perkembangan sosial kanak-kanak. Menurut beliau lagi, kanak-kanak semenjak lahir sudah mampu

menunjukkan interaksi sosial seperti menumpukan pandangan terhadap sesuatu objek dan senyuman serta menangis.

Dalam kepelbagaiannya pengalaman yang dilalui oleh seseorang kanak-kanak dalam perkembangannya, memberi peluang kepada pengkaji untuk meneliti melalui satu aspek yang menarik dan sekaligus dapat dihubungkaitkan dengan pembentukan peribadi kanak-kanak iaitu melalui satu bentuk seni persembahan yang difokuskan kepada sebuah teater muzika kanak-kanak.

Menyedari bahawa alam kanak-kanak bukanlah sesuatu yang mudah untuk diselami dan dijelmakan dalam bentuk seni persembahan menjadi titik-tolak kepada pengkaji untuk meneliti aspek pendidikan moral yang membentuk sahsiah kanak-kanak itu melalui keterlibatan mereka dalam persembahan teater.

Kemunculan persembahan teater **Siti di Alam Fantasi (SDAF)** pada tahun 2000 yang lepas dilihat sebagai satu persembahan yang menonjolkan alam kanak-kanak yang pada umumnya senantiasa dipenuhi dengan kegembiraan dan kegirangan. Namun lebih jauh daripada itu, pengkaji melihat penglibatan pelakon-pelakon kecil yang berbakat sebenarnya merupakan satu langkah untuk menyerapkan mesej yang baik dan mendidik anak-anak mengenal erti manusia dan kemanusiaan serta nilai dan perbezaan di antara baik dan buruk. Justeru, pementasan teater ini telah memberi ruang dan peluang kepada pengkaji untuk melihat secara lebih terperinci lagi pendidikan moral yang terkandung melalui penyerapan mesej yang disampaikan dalam teater tersebut.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Penulisan karya sastera kanak-kanak sememangnya telah mempunyai tradisi yang kuat di dalam masyarakat Melayu. Jika ditinjau dari segi sejarah perkembangan kesusastraan untuk kanak-kanak, kita akan dapati orang Melayu kaya dengan sumber-sumber tempatan seperti cerita-cerita rakyat, cerita-cerita binatang, cerita-cerita jenaka, cerita-cerita ibarat dan cerita-cerita hikayat yang dapat diperkembangkan sebagai bahan yang sesuai untuk kanak-kanak dan juga orang dewasa.

Masa kanak-kanak adalah masa untuk fantasi dengan berangan-angan. Tidak dapat disangkal, kehidupan imaginatif kanak-kanak sangat hidup dan jelas. Jadi pelarian angan-angan disalurkan melalui buku cerita terutama sekali cerita-cerita rakyat, fantasi dan pengembalaan, penerbangan angkasa lepas dan sebagainya. Cerita-cerita binatang yang ada dalam masyarakat kita misalnya, **Sang Kancil dan Buaya, Arnab dan Kura-Kura** sebenarnya banyak memberi pengajaran kepada golongan ini. Begitu juga halnya jika kita lihat kepada cerita-cerita jenaka seperti **Cerita Pak Pandir, Cerita Pak Kaduk, Cerita Lebai Malang, Cerita Si Luncai** yang memperlihatkan ‘kebodohan’, kehibaan dan tragedi hidup rakyat jelata, namun apa yang penting ialah unsur pengajaran yang boleh diambil sebagai iktibar disebalik kisah-kisah tersebut. Kisah-kisah pengembalaan pula dapat dilihat di dalam cerita-cerita penglipur lara seperti **Hikayat Malim Dewa, Hikayat Raja Muda** dan **Hikayat Awang Sulung Merah Muda**.

Dalam hal ini, jika kita perhatikan hasil karya daripada luar khususnya dari barat juga banyak didedahkan kepada golongan kanak-kanak. Cerita-cerita pengembalaan seperti cerita **Harry Potter, Peter Pan**, cerita-cerita siri penyiasatan hasil karya **Enid**

Blyton, dan cerita fantasi seperti *Snow White* dan banyak lagi turut menjadi perhatian kanak-kanak. Perkembangan ini secara tidak langsung memperlihatkan kepada kita bahawa sumber-sumber tersebut boleh menarik minat kanak-kanak dan ini memberi kita satu ruang dan peluang bagi memperkembangkan lagi minat mereka terhadap cerita-cerita tersebut yang boleh memberi pengajaran kepada mereka. Justeru, bertitik-tolak dari sini kita harus memikirkan bagaimana hasil kesusasteraan itu dapat dikelakkan dan diperkembangkan sejajar dengan kemajuan pendidikan hari ini.

Mereka seharusnya dihidangkan dengan suatu karya yang boleh menarik perhatian selain cerita-cerita biasa yang hanya dipersembahkan dalam bentuk bertulis seperti komik, buku cerita, dan majalah. Tidak salah sekiranya karya tersebut dialih ke dalam bentuk yang lebih menarik seperti animasi dan juga teater dengan menggunakan teknologi terkini yang mampu memberi satu kelainan dan persembahan yang berkesan, sekaligus memberi nafas baru kepada kesusasteraan kanak-kanak khususnya.

Dalam menghasilkan suatu hasil karya kesusasteraan kanak-kanak itu, penulis yang melibatkan diri dalam bidang penulisan karya sastera kanak-kanak perlu memperlengkapkan diri dengan disiplin kesusasteraan kanak-kanak itu sendiri. Ianya perlu sesuai dengan definisi dan konsep apa yang dikatakan sastera kanak-kanak dan remaja, juga perlu disesuaikan dengan tema, plot, watak dan perwatakan, bahasa dan psikologi untuk kanak-kanak. Untuk memenuhi kesemua ciri-ciri inilah, ianya bukanlah suatu tugas yang mudah bagi seorang penulis. Bukan sahaja memenuhi disiplin kesusasteraan kanak-kanak secara umumnya akan tetapi menghasilkan satu karya yang mempunyai nilai-nilai keindahan dan bermutu tinggi.

Bagi penulis yang benar-benar bertanggungjawab pula akan lebih memberi perhatian yang serius terhadap persoalan ini agar sesebuah karya itu bukan sahaja bermutu tetapi turut menekankan aspek moral terhadap kanak-kanak yang sememangnya wajar dan amat penting untuk perkembangan dan pembinaan sahsiah kanak-kanak itu sendiri. Apa yang ingin dilihat oleh pengkaji dalam kajian ini cukup menarik iaitu meneliti pendidikan moral untuk kanak-kanak yang ditampilkan dalam sebuah hasil kesusasteraan kanak-kanak dalam bentuk skrip yang diaplikasikan ke dalam bentuk kesenian yang lebih mengesankan lagi iaitu melalui persembahan teater muzika kanak-kanak **SDAF**.

Dalam kajian ini secara tersiratnya, satu persoalan yang mudah dan selalu menjadi topik perbincangan dalam memperkatakan mengenai kanak-kanak iaitu berkenaan pendidikan moral. Aspek ini menjadi pilihan pengkaji dalam disertasi ini dan ia dilihat berdasarkan satu persembahan kesenian iaitu melalui persembahan teater muzika kanak-kanak yang jarang sekali diberi perhatian oleh pengkaji sebelum ini. Secara tidak langsung, kajian ini akan memeriksa kekuatan skrip melalui hasil gabungan aspek tema, watak, dialog dan plot dalam usaha untuk menampilkan mesej-mesej moral yang berguna kepada kanak-kanak. Turut ditelusuri ialah elemen-elemen kekaguman dalam penghasilan persembahannya sebagai kesan gabungan yang membantu untuk menonjolkan mesej moral itu dengan lebih bererti.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Menghayati sebuah persembahan oleh kanak-kanak merupakan satu pengalaman yang cukup menarik bagi golongan kanak-kanak yang lain. Namun melalui pengalaman yang dilalui oleh mereka sewajarnya perlu diberi perhatian agar ianya bukanlah suatu pengalaman yang dinikmati hanya pada saat ianya dipertontonkan sahaja. Justeru, ianya perlulah diisi dengan mesej-mesej yang baik yang dapat dimanfaatkan oleh mereka.

Sehubungan dengan itu, melalui penelitian terhadap dua sudut utama dalam sesuatu persembahan teater iaitu ;

- (i) Aspek skrip
- (ii) Aspek Persembahan

Pengkaji ingin melihat sejauhmanakah nilai-nilai moral diaplikasikan dengan berkesan di dalam teater **SDAF**. Pengkaji melihat kepada kedua-dua unsur skrip dan aspek persembahannya sebagai satu kesatuan untuk menyampaikan mesej dengan berkesan. Penelitian pengkaji berkenaan proses pembikinan persembahan teater **SDAF** yang mengaplikasikan sebuah karya dalam bentuk skrip kepada bentuk persembahan ini dilihat sebagai pengolahan yang membantu dalam menghayati nilai-nilai yang ditampilkan. Ianya juga bertujuan untuk memberi pendedahan awal kepada golongan kanak-kanak mengenai teater kanak-kanak agar dapat menyumbang ke arah peningkatan dan perkembangan ilmu teater di peringkat awal lagi.

Keterlibatan mereka dalam bidang teater mampu memberi suatu pendidikan yang berguna baik berkenaan disiplin diri mahupun untuk menerapkan nilai-nilai murni di kalangan kanak-kanak. Ia juga memberi ruang dan peluang kepada mereka menimba pengalaman dan seterusnya membuktikan keupayaan dan kecemerlangan, juga sebagai persediaan ke alam dewasa.

Sebagai generasi pemimpin pada masa hadapan adalah menjadi sesuatu yang amat penting untuk kanak-kanak disemai dengan nilai-nilai yang baik. Melalui penelitian ini, diharap dapat memperlihatkan kepentingan nilai yang diterapkan oleh pengarah dan penulis dalam teater ini. Golongan kanak-kanak harus dirangsang untuk berfikir secara kreatif dan produktif seterusnya bertindak dengan tindakan yang sewajarnya yang sudah pasti dibatasi dengan nilai-nilai norma yang baik.

Kajian ini juga dilakukan dengan inisiatif untuk memperbanyakkan lagi bahan rujukan terutama dalam pengkajian seni teater khususnya teater kanak-kanak. Diharap ianya dapat memberikan sumbangan yang nyata dan positif terhadap pembentukan insan. Biarlah kemunculan teater **SDAF** menjadi nafas baru kepada permulaan teater kanak-kanak yang sudah lama diabaikan dan adalah diharapkan semoga ia terus berkembang demi masa depan teater yang kelihatannya cerah dengan kemunculan bakat-bakat muda.

1.4 PENDEKATAN KAJIAN

Sebagai panduan kajian berkenaan aspek pendidikan moral untuk kanak-kanak, pengkaji mengambil pendekatan yang dikemukakan oleh John Dewey (1916) iaitu :

'...punca utama kesemua aktiviti pendidikan adalah pada sikap dan aktiviti naluri dan impuls kanak-kanak... ; sama ada melalui idea-idea orang lain atau melalui deria ; dan kerana itu, segala aktiviti spontan kanak-kanak baik lakon, permainan, perlakuan mengajuk ...berguna untuk pendidikan, bahkan merupakan asas untuk kaedah-kaedah pendidikan'.(Rahmah Bujang, 1991 : 51).

Berhubung dengan teori yang dikemukakan oleh John Dewey itu, jelas menunjukkan bahawa pendidikan itu bermula dari peringkat kanak-kanak lagi yang melibatkan sikap dan dorongan mereka untuk melakukan sesuatu. Segala aktiviti dan perbuatan kanak-kanak meskipun hanya dalam permainan sebenarnya merupakan aspek utama dalam kaedah-kaedah pendidikan.

Berdasarkan kepada tumpuan kajian yang ingin melihat aspek pendidikan moral di dalam teater kanak-kanak, aspek-aspek yang dinyatakan oleh John Dewey boleh diaplikasikan untuk menilai sejauhmana aktiviti lakon yang wujud di dalam teater **SDAF** yang dilakonkan oleh kanak-kanak dapat memberi nilai-nilai moral yang berkesan kepada mereka. Selain itu dalam membincangkan pendekatan teori ini, beberapa konsep penting yang berkaitan akan dijelaskan di dalam bab dua iaitu Bab Kerangka Teoritis.

Konsep-konsep tersebut iaitu konsep teater, teater kanak-kanak, nilai moral, dan konsep drama dan lakon dalam pendidikan. Pertama, konsep teater yang membincangkan elemen-elemen penting dalam pembikinan sesebuah teater. Kedua, konsep teater kanak-kanak dalam skop penglibatan kanak-kanak dalam persembahan teater. Ketiga, konsep moral yang menyentuh mengenai nilai-nilai moral yang diterapkan di samping melihat dari sudut pandangan Islam. Keempat, konsep drama dan lakon dalam pendidikan yang melihat aspek drama dan lakon dalam konteks berperanan untuk memberi pendidikan, khususnya melalui media pementasan teater yang difokuskan kepada teater kanak-kanak. Konsep-konsep ini perlu dilihat secara terperinci agar landasan teori yang digunakan itu dapat difahami dan diaplikasi dengan sepenuhnya dalam aspek yang dikaji.

Walau bagaimanapun, untuk melihat kesemua aspek moral itu, pengkaji telah menggunakan teori Aristotle yang mengemukakan dua asas utama dalam menganalisis teater. Dua asas itu mencakupi aspek skrip dan persembahan, dan telah pengkaji bahagikan urutannya dengan jelas kepada berikut :

- 1) Aspek Skrip
 - a) Tema
 - b) Perwatakan
 - c) Urutan Plot
 - d) Dialog
- 2) Aspek Persembahan
 - a) Set dan Prop
 - b) Tatacrahaya
 - c) Tatarias

- d) Kostum
- e) Muzik
- f) Lagu
- g) Gerak
- h) Efek Bunyi @ *Sound Effect*
- i) Mesin Asap @ *Smoke Machine*

Walau bagaimanapun, panduan yang diasaskan oleh Aristotle untuk menganalisis teater itu akan dibincangkan perinciannya dalam bab dua iaitu Bab Kerangka Teoritis. Justeru, berdasarkan dua sudut utama dalam teater iaitu dari sudut skrip dan persembahan, pengkaji akan melihat aspek pendidikan moral berlandaskan teori yang dikemukakan oleh John Dewey. Kesemua aspek tersebut jika diteliti berupaya menonjolkan aktiviti lakon itu sebagai satu cara untuk menyampaikan mesej yang penuh dengan nilai-nilai moral khususnya melalui teater kanak-kanak **SDAF**.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian ini memfokuskan penelitian terhadap satu teater kanak-kanak iaitu teater **SDAF** dengan melihat unsur pendidikan moral yang terkandung di dalamnya. Teater **SDAF** ini dipilih menjadi korpus dalam kajian ini memandangkan teater ini sebetulnya sarat dengan mesej yang berunsurkan pendidikan moral kepada kanak-kanak yang ingin diketengahkan oleh penulis dan pengarahnya.

Dengan berlandaskan teori John Dewey itu, aspek-aspek moral akan dicungkil daripada dua sudut yang telah dinyatakan iaitu daripada sudut skrip dan sudut persembahan yang digariskan oleh Aristotle dalam menganalisis drama. Penumpuan terhadap aspek pendidikan moral untuk kanak-kanak ini dipilih kerana kanak-kanak merupakan golongan yang perlu dididik dalam menentukan halatujunya ke alam remaja dan seterusnya ke alam kedewasaan. Hal ini penting kerana kurangnya didikan dan asuhan yang diberikan kepada mereka maka akan lahirlah generasi yang pincang pada masa hadapan. Pengkaji melihat bahawa teater merupakan salah satu sumber yang mampu memberikan didikan secara tidak langsung kepada golongan ini.

Kajian ini memungkinkan kita mengesani penerapan unsur pendidikan moral oleh penulis dalam skripnya, di samping melihat aspek-aspek persembahan yang telah membantu menghidupkan lagi persembahan teater **SDAF** yang telah menarik minat golongan kanak-kanak khususnya. Daripada kajian ini, kita akan dapat melihat objektif penulis itu sendiri yang berlatarbelakangkan budaya Melayu dan beragama Islam, yang semestinya berpegang kepada tuntutan agama yang sentiasa menyeru umatnya ke arah pembinaan budi pekerti yang mulia. Justeru, kajian ini juga akan melihat aspek pendidikan moral ini melalui kaca mata Islam kerana majoriti tenaga penting dan pelakon-pelakonnya terdiri daripada individu yang beragama Islam.

Berdasarkan tujuan yang dinyatakan dan berlandaskan teori yang telah dikemukakan oleh John Dewey itu, kajian ini diharap dapat mencapai matlamat kajian sepenuhnya. Sifat-sifat yang murni seharusnya dipraktikkan dalam pembinaan sahsiah kanak-kanak. Dalam konteks ini, bertepatan dengan tujuan utama kajian ini, pengkaji

telah mengemukakan beberapa nilai moral yang dilihat dari sudut nilai negatif dan positif yang terdapat dalam teater **SDAF**. Secara umumnya, nilai-nilai moral ini akan dikemukakan mengikut kepentingan yang ditekankan di dalam teater **SDAF**.

Sememangnya nilai positif haruslah diterapkan secara langsung dan berterusan ke dalam jiwa kanak-kanak. Dalam teater ini, penonjolan nilai-nilai positif merangkumi gerak aksi dan pengucapan watak-watak yang terlibat. Melalui kesinambungan di antara aspek skrip dan pengolahan persembahan membantu dalam menghayati nilai-nilai yang ditonjolkan. Nilai-nilai positif di dalam **SDAF** ini adalah seperti berikut :

- i) Kasih Sayang
- ii) Bermuafakat
- iii) Bertanggungjawab
- iv) Saling Menasihati
- v) Keprihatinan
- vi) Kerajinan
- vii) Belas Kasihan
- viii) Keberanian
- ix) Kesederhanaan
- x) Keadilan
- xi) Keinsafan
- xii) Rasional

Namun jika diteliti melalui skrip teater **SDAF**, penulisnya bukan sahaja menerapkan nilai-nilai yang positif, tetapi juga turut menyelitkan nilai-nilai yang bersifat negatif. Walau bagaimanapun perlu disedari bahawa tujuan nilai-nilai negatif ini diselitkan bukanlah sebagai penerapan nilai kepada audien. Ianya adalah lebih bertujuan untuk memberikan gambaran sebenar kepada penonton apa yang akan berlaku jika nilai-nilai negatif ini diamalkan oleh mereka.

Kanak-kanak yang berusia dalam lingkungan umur tujuh hingga dua belas tahun khususnya sudah mampu menilai baik buruk sesuatu perbuatan. Dari sudut pemikiran mereka walaupun nilai negatif itu dipaparkan sebagaimana di dalam teater ini, namun mereka tahu implikasi perbuatan tersebut. Berdasarkan teori John Dewey yang menyatakan aktiviti lakon sebagai satu kaedah bagi manusia mengasimilasikan pengalaman sehingga menjadi asas pendidikan adalah sesuai dengan pengungkapan persoalan baik nilai positif atau negatif. Baginya perbuatan yang negatif juga akan memberikan implikasi yang tidak baik kepada pelakunya. Justeru, perilaku negatif dan impikasinya boleh dijadikan teladan dan iktibar khususnya kepada pembentukan sahsiah kanak-kanak. Berikut merupakan nilai-nilai negatif yang dapat dikesani oleh pengkaji di dalam teater kanak-kanak **SDAF**:

- i) Sombong
- ii) Tidak Berperikemanusiaan
- iii) Terburu-buru
- iv) Tamak
- v) Sikap Malas
- vi) Tidak Beradab

Tumpuan akan dijuruskan terhadap aspek skrip dan persembahan teater yang dikaji dan mengenal pasti ciri-ciri nilai moral yang diterapkan dalam teater tersebut. Ini penting kerana daripada kedua-dua aspek itu akan dikupas sama ada nilai moral yang diketengahkan oleh penulis dan pengarah teater ini terserlah atau sebaliknya.

1.6 METODE KAJIAN

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah memilih tiga kaedah kajian iaitu kaedah temubual/temuramah, kaedah rujukan bahan sekunder serta kaedah permerhatian dan pengamatan.

1.6.1 Kaedah Temubual/Temuramah

Kaedah ini merupakan kaedah terpenting digunakan oleh pengkaji bersetujuan dengan objektif kajian ini yang ingin melihat unsur pengajaran di sebalik pementasan SDAF. Kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat daripada responden mengenai kajian yang akan dilakukan. Pengkaji menemubual orang penting di belakang pementasan teater SDAF iaitu pengarah dan penulis skripnya, Aminah Rhapor, dan beberapa tenaga penting di sebalik pembikinan teater ini iaitu Bayu Utomo Radjikin sebagai Pengarah Artistik, Pengarah Muzik iaitu Pak Ngah dan Sharifah Mahani Syed Kassim selaku Pengarah Tari dan Gerak yang telah terlibat menjayakan pementasan ini. Sesi temuramah ini bertujuan memperolehi maklumat mengenai pembikinan teater kanak-kanak di samping meneliti skrip dan seterusnya menilai skrip tersebut dari segi unsur pendidikan moral yang terdapat dalam teater tersebut.

1.6.2 Kaedah Rujukan Bahan Sekunder

Kajian tidak akan lengkap sekiranya tidak disusuli dengan penelitian terhadap bahan-bahan rujukan mengenai tajuk yang dibincangkan. Pengkaji menjalankan kajian penyelidikan perpustakaan terutamanya di Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu dan Perpustakaan Peringatan Za'ba. Bahan rujukan yang diteliti mencakupi penilaian terhadap skrip, pengenalan kepada seni teater, psikologi kanak-kanak, pendidikan moral dan juga mengenai komen terhadap pementasan yang telah dipentaskan itu. Selain membuat rujukan di Perpustakaan Universiti Malaya, pengkaji juga membuat rujukan di Perpustakaan Negara khususnya di bahagian perpustakaan kanak-kanak.

Bahan rujukan juga meliputi petikan-petikan daripada majalah dan akhbar yang melibatkan komen pengarang dan respon orang ramai terhadap pementasan teater tersebut.

1.6.3 Kaedah Pemerhatian dan Pengamatan

Kaedah pemerhatian juga digunakan oleh pengkaji bagi melengkapkan lagi kajian yang dijalankan memandangkan pengkaji membuat keputusan untuk melakukan kajian ini selepas pementasan teater tersebut. Pemerhatian ini dibuat ke atas rakaman pementasan teater **SDAF** yang telah dipentaskan di Istana Budaya pada 20 hingga 26 Oktober 2000. Kaedah ini amat penting bagi pengkaji untuk melihat bagaimana teater ini dipentaskan dengan berbekalkan skrip yang ada dan diaplikasikan ke dalam bentuk seni

persembahan teater. Seterusnya perbincangan berkenaan aspek persembahan ini akan membantu pengkaji dalam menganalisis pendidikan moral untuk kanak-kanak yang dilihat daripada dua aspek, iaitu skrip dan persembahan.

1.7 KAJIAN TERDAHULU

Berdasarkan kajian-kajian terdahulu didapati kajian dan penyelidikan dalam bidang seni teater secara umumnya masih di peringkat awal dan tidak begitu meluas. Apabila diperhatikan kepada kajian yang menjurus kepada unsur moral, aspek ini lebih banyak dikaji di dalam novel-novel seperti **Nilai –Nilai Moral dalam Novel ‘Wajah Seorang Wanita’** Karya S. Othman Kelantan (1998), oleh Nizam Mat di peringkat Ijazah Pertama. Begitu juga dengan Suzana Mat Nor yang melihat **Nilai-Nilai Murni dalam Novel ‘Artika Kesuma’**(1989). Kedua-duanya dari Jabatan Bahasa Melayu Moden, Universiti Putra Malaysia.

Aspek ini juga dikaji oleh Kamaruzaman Harun dengan tajuk **Nilai-Nilai Murni dalam Novel Remaja 90-an** (1996) dan Mohd Sidek Zakaria pula melihat **Unsur-Unsur Moral dalam Novel Remaja** (1995) juga dari Universiti Putra Malaysia. Di peringkat Sarjana pula, aspek moral di dalam novel turut dikaji oleh Jumadi Haji Selamat iaitu **Novel-Novel Remaja Satu Analisis Aspek Sosial** dari Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia (1997). Terbaru, kajian yang melihat nilai moral dalam novel ini dilakukan oleh Azmah Abdul Aziz iaitu **Nilai Moral dalam Novel Remaja : Satu Kajian Terhadap Karya Azmah Nordin** terhadap karya Azmah Nordin (2000) dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya di dalam Disertasi Sarjananya.

Berdasarkan pemerhatian ini, amat jelas pengupasan mengenai nilai moral dalam kajian yang dilakukan amat terbatas kepada karya-karya dalam bentuk novel sahaja. Kajian-kajian yang dilakukan berkaitan dengan teater juga terbatas. Antara kajian yang pernah dilakukan berkaitan dengan seni teater ialah seperti yang dikaji oleh Mohd. Ramli Raman yang bertajuk **Kegiatan Drama Teater di Kelantan : Antara Tradisi dan moden** (1985) dan satu lagi oleh Mohd. Kamarulzaman Taib dengan tajuk **Teater Fitrah : Noordin Hassan Mengukuh Identiti** (1995). Kedua-dua kajian ini dilakukan di peringkat Ijazah Pertama, di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Aspek teater yang mengkhusus kepada seni persembahan Boria telah dikaji di peringkat Doktor Falsafah oleh Rahmah Bujang dengan tajuk **The Boria : Study Of A Malay Theatre In Its Socio-Cultural Context** (1977) di University Of Hull, dan satu lagi dari Universitas Indonesia oleh Ninuk I. Kleden dengan tajuk **Teater Topeng Betawi Sebagai Teks dan Maknanya Suatu Tafsiran Antropologi** (1987) juga di peringkat Doktor Falsafah. Pemerhatian ini menunjukkan bahawa kajian terhadap bidang teater juga terbatas.

Kajian yang difokuskan kepada golongan kanak-kanak juga tidak banyak dibincangkan. Pengkaji-pengkaji terdahulu banyak memfokuskan kajian kepada kanak-kanak daripada sudut bahasa kanak-kanak seperti apa yang dikaji oleh Hassan Sarno dalam **Stilistik : Kajian Kes Bahasa Kanak-Kanak (Buku Cerita Kanak-Kanak)** (1988), Norlia Musaid dalam kajian **Penguasaan Bahasa di Kalangan Kanak-Kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan** (1994). Begitu juga dengan Norliza Husin yang mengkaji **Masalah Penguasaan Bahasa Melayu di Kalangan Kanak-Kanak Pra Sekolah :**

Satu Kajian Psikolinguistik Berdasarkan Beberapa Buah Sekolah di Negeri Sembilan (1994). Satu lagi kajian juga di peringkat Ijazah Pertama iaitu oleh Mazlan Zulkifly dengan tajuk **Bentuk Bahasa Kanak-Kanak Melayu Dalam Lingkungan Umur Lima Tahun : Satu Kajian Perbandingan** (1990). Kajian berbentuk penulisan cereka kanak-kanak pula dikaji oleh Adenan Haji Abdul Wahab dengan tajuk **Penulisan Cereka Kanak-Kanak di Malaysia** (1980). Namun terdapat satu kajian yang berunsurkan pendidikan moral untuk kanak-kanak yang pernah dikaji iaitu oleh Kalthum Muhammad pada tahun 1965. Walau bagaimanapun, beliau melihat daripada aspek cerita kanak-kanak pada zaman itu. Kajiannya bertajuk **Cherita Kanak-Kanak dan Pengaroh-nya Atas Pertumbuhan Peribadi**. Kesemua kajian itu dilakukan pada peringkat ijazah pertama di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Berdasarkan tinjauan terhadap kajian yang pernah dilakukan sebelum ini, pengkaji membuat kesimpulan bahawa tidak terdapat banyak kajian mengenai pendidikan moral yang difokuskan kepada golongan kanak-kanak. Namun jika diteliti kajian yang dilakukan oleh Kalthum Muhammad pada tahun 1965 itu banyak menghampiri kajian yang ingin dilakukan oleh pengkaji, meskipun beliau melihat dalam konteks cerita kanak-kanak pada zamannya. Bersesuaian dengan zaman yang boleh dikatakan aspek persembahan khususnya bidang teater masih lagi di peringkat awal berbanding pada zaman ini yang sememangnya lebih terdedah kepada kepelbagaiuan medium persembahan yang pastinya dapat memberi keberkesanan yang lebih baik berbanding jika disampaikan melalui penceritaan biasa.

Menyedari hakikat kurangnya kajian mengenai teater dan aspek moral di dalamnya, pengkaji merasakan amat perlu diadakan secara terperinci berhubung dengan nilai-nilai moral terutamanya dalam bentuk seni persembahan pula seperti dalam persembahan teater, khususnya teater kanak-kanak. Melaluiinya diharapkan kita bukan sahaja dapat menerapkan pendidikan moral kepada golongan kanak-kanak malah secara tidak langsung dapat memperkembangkan bidang teater ini dari peringkat awal lagi. Keterlibatan kanak-kanak dalam bidang ini akan dilihat sebagai satu cara untuk mempengaruhi kanak-kanak lain untuk menghayati satu persembahan yang menghiburkan dan dalam masa yang sama mereka akan mendapat manfaat di sebaliknya.